



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PROJEK PENYELIDIKAN 1 & 2

**KAJIAN MENGENAI KADAR KEBERKESANAN MUZIK LATAR
DALAM FILEM SERAM '*LIGHTS OUT*' 2016 TERHADAP EMOSI
PENONTON.**

DASVINI A/P MAHALINGAM

Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada tugas
Projek Penyelidikan 1 dan 2 untuk Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kreatif.

MALAYSIA

KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KAMPUS BACHOK

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
BAB 1	PENGENALAN 1.0 PENGENALAN KEPADA KAJIAN 1.1 PERNYATAAN MASALAH 1.2 OBJEKTIF KAJIAN 1.3 PERSOALAN KAJIAN 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN 1.5 SKOP KAJIAN 1.6 STRUKTUR ORGANISASI	1-3 4 4-5 5 5 6 6-7
BAB 2	KAJIAN LITERATUR 2.0 PENGENALAN KEPADA KAJIAN 2.1 KAJIAN LEPAS	8 8-13
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN 3.0 PENGENALAN KEPADA METODOLOGI KAJIAN 3.1 REKABENTUK KAJIAN DAN TEKNIK KAJIAN 3.2 CARTA ALIR PROSES KAJIAN 3.2.1 PROSES PENGUMPULAN DATA 3.2.1.1 DATA PRIMER 3.2.1.2 DATA SEKUNDER 3.2.2 KAEDAH PERPUSTAKAAN 3.2.3 KAEDAH ANALISIS KANDUNGAN 3.2.4 KAEDAH INTERNET 3.2.5 INSTRUMEN KAJIAN 3.3 RUMUSAN	14-15 15 16 17 17 17-18 18-19 19 19-20 20-24 24
BAB 4	DAPATAN KAJIAN 4.1 BAHAGIAN B: MENGANALISIS MUZIK LATAR DALAM FILEM SERAM HOLLYWOOD 'LIGHTS OUT' (2016).	25-34

	4.2 BAHAGIAN C: MENENTUKAN KADAR KEBERKESANAN MUZIK LATAR DALAM FILEM SERAM HOLLYWOOD 'LIGHTS OUT' (2016) TERHADAP EMOSI PENONTON	35-42
BAB 5	PERBINCANGAN	43-48
	CADANGAN	48-49
	KESIMPULAN	50-52
	RUJUKAN	53-54
	LAMPIRAN	55

PENGHARGAAN

Syukur akhirnya, perjalanan saya dalam menyiapkan projek penyelidikan saya dengan kurniaan Tuhan. Dengan ini, saya juga ingin untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Fairuladlan bin Hamadun yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, membetul dan membaiki kajian ini sehingga peringkat akhir kajian. Saya juga terhutang budi kepada beliau yang sangat prihatin dan sentiasa memberi dorongan dalam memastikan perjalanan projek penyelidikan saya disiapkan dengan mengikuti aspek tertentu. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang memberikan bantuan dari segi motivasi dan sokongan moral sepanjang projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh rakan sekelas saya dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan seikhlas kata terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Abstrak

Muzik latar merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembuatan filem seram. Pada masa yang sama, muzik latar juga sering berkait rapat dengan emosi penonton. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis muzik latar dalam filem seram 'Lights Out' yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan diarah oleh David F.Sandberg. Selain daripada itu juga, kajian ini dilakukan untuk menentukan kadar keberkesanan muzik latar dalam filem 'Lights Out' 2016 terhadap emosi penonton. Selain itu, kaedah soal selidik melalui tiga jenis video seram untuk memantapkan lagi kajian ini juga dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa muzik latar dalam filem seram sememangnya mempengaruhi emosi penonton.

Kata kunci : Kadar keberkesanan, muzik latar, filem seram, emosi peonton.

Abstract

Background music is one of the important element in producing a horror film. At the same time, background music always related to viewer's emotions. The purpose of this research is to analysis the background music in horror film 'Lights Out' which is directed by David F.Sandberg. Also, this research also is to analysis the effectiveness rate of background music in horror film on viewer's emotions. Other than that, questionnaire method held via three different videos is used to improve the study. The study found that background music in horror film was indeed in influencing viewer's emotions.

Keywords : Effectiveness rate, background music, horror film, viewer's emotions

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN KEPADA KAJIAN

Dalam pengenalan ini, pengkaji akan menerangkan asas kajian ini secara umum dan tujuan pengkaji memilih tajuk kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk meneliti kesan muzik latar terhadap emosi penonton dalam filem *Hollywood 'Lights Out'* yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan pengarah filem ini ialah David F.Sandberg. Hal ini oleh kerana, menurut tokoh muzik dan pengubah Salil Chowdhury, mengatakan bahawa

"Nobody really knows, at least I don't know the role or the purpose of background music. But, it is correct to say that background music used thoughtfully and correctly brings life to a film".

Daripada pernyataan tersebut saya ingin mendedahkan bahawa kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap keberkesanan muzik latar dalam filem Hollywood *'Lights Out'* 2016.

Sebagai langkah pertama, filem ialah salah satu sumber alat hiburan dan media komunikasi yang mempunyai pengaruh yang kuat pada awal abad ke-20. Sejarah perfileman ini bermula daripada dua adik beradik Lumiere iaitu, Auguste dan Louis Lumiere yang merakamkan sekumpulan pelajar keluar dari kilang mereka di Lyons, Perancis pada tahun 1895. (Shukri, 2013). Filem juga melambangkan unsur – unsur kesenian seperti lukisan, tarian, muzik dan lain – lain lagi. (Arnheim, 1957). Filem sebenarnya berfungsi sebagai satu bentuk seni dalam penyampaian naratif yang mempunyai prinsip dan gaya tersendiri. Setiap bentuk yang dihasilkan dalam sesuatu filem, ia mempunyai corak perkembangan tersendiri dari permulaan hingga ke penghujung cerita dengan merangkumi

peranan seperti *mise-en-scene*, *syot*, penyuntingan, bunyi sinematografi, pencahayaan dan sebagainya lagi. (Arnheim, 1957).

Terdapat beberapa genre filem yang dibangkitkan dalam industri perfileman pada era moden masa kini. Akan tetapi, filem genre seram menjadi salah satu genre yang sentiasa dijadikan pilihan utama audien dan ia juga menghiburkan penonton dengan kadar yang tinggi kerana mempunyai elemen – elemennya tersendiri. (Aziz, 2017). Disini pengkaji ingin menitikberatkan bahawa muzik latar dalam genre seram adalah fokus utama kajian ini dijalankan.

Wajah dan tubuh sesebuah filem dicipta hasil daripada elemen visual manakala rasa, emosi dan mood terhasil daripada elemen audio. Oleh kerana, filem dan muzik ini amat berkait rapat dengan dua modaliti deria manusia iaitu penglihatan (visual) dan pendengaran (audio). Bukan itu sahaja, hubungan antara filem dan muzik ini mampu memberi kesan secara psikologi ketika dalam aktiviti penafsiran sesuatu filem oleh penonton. (Bottin, 2002). Getaran dalam sesuatu jisim, zarah dan objek merupakan definisi yang paling spesifik untuk perkataan muzik. Terdapat beberapa jenis bunyi yang digunakan dalam bidang perfileman seperti muzik latar, ambient sound, bunyi persekitaraan dan lain – lain lagi. Hal ini demikian, ketidakwujudan muzik dalam filem menjadikannya bosan dan tidak faham. Dengan ini, elemen muzik memainkan peranan penting dalam menjadikan sebuah filem seram lebih menarik. (Mili J. B., 2007).

Muzik di dalam filem boleh diperolehi dari dua sumber sama ada daripada muzik vokal mahupun muzik latar. Komposisi pada muzik latar bergantung kepada pergerakan *scene* yang ditumpukan khas dalam memberikan atau merangsang mood dan perasaan terhadap gerak gaya watak, peralihan dialog, atau sebagai nilai estetika rupa sesebuah filem. Manakala muzik vokal ataupun lagu hanya ditampilkan sebagai elemen sokongan atau penambah rasa sama ada terhadap *scene* mahupun karakter. (Nasir, 2007)

Jadi, bagaimana sesebuah muzik latar boleh memberi kesan kepada emosi penonton? Bahagian otak, terutamanya *hippocampus*, *prefrontal*, *korteks* yang berperanan untuk mengendalikan emosi dan perasaan akan menguruskan aspek rentak, meter, timber, pitch sesuatu muzik. Terdapat juga saintis yang mengkaji perkaitan antara emosi dan muzik itu sendiri dan mereka turut mengkaji mekanisme yang membolehkan perkaitan kedua-dua faktor itu dibuat.

Sakka dan Juslin (2017) dalam kertas perbincangannya menghuraikan mekanisma-mekanisma yang berpotensi bertanggungjawab dalam perkaitan antara emosi dan muzik. Mereka mengutarakan 7 jenis mekanisma yang berbeza. Namun, antara mekanisma yang seringkali dibincangkan adalah '*evaluative conditioning*', '*Visual imagery*', dan '*Episodic memory*'. Mekanisma *evaluative conditioning* atau persamaan evaluatif adalah persepsi atau memori sesuatu emosi yang terbentuk hasil dari pengulangan sesebuah muzik tertentu dengan suatu emosi (negatif atau positif). Sebagai contoh, pengulangan muzik yang bernada tinggi dan kuat disertakan dengan objek yang menakutkan seperti dalam filem seram (Saka dan Juslin, 2017).

Antara elemen muzik latar yang terdapat dalam filem seram Hollywood 'Lights Out' 2016 adalah melodi, rhytm dan harmoni. Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian ini akan dijalankan dengan hanya memfokuskan muzik latar dalam filem Hollywood '*Lights Out*' yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan mengkaji kesan daripada muzik latar filem tersebut kepada emosi penonton. Jadi, secara keseleruhan, tujuan utama pengkaji memilih tajuk ini untuk - memahami dan mengetahui sejauhmanakah muzik latar sesuatu filem seram dapat memberi kesan emosi kepada penonton bagaimana muzik latar sebuah filem seram boleh berkait rapat dengan reaksi mental (emosi).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian yang mencetuskan pengkaji untuk membuat kajian ini adalah didapati kurang kajian yang mendalam terhadap fungsi dan kesan muzik latar dalam filem '*Lights Out*'. Selain itu, kebanyakan pengkaji lebih tertarik terhadap aspek-aspek seperti sinematografi (Jayree bin Mili, 2007), skrip (UH Abu Hassan, 2011), pengarahannya (Carolina Peni Binti Frans Liwon, 2017) dan watak perwatakan (Norinawati Binti Kamarulzaman, 2007). Jadi, melalui kajian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa muzik latar juga merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembuatan sesebuah filem seram. Pada masa yang sama, muzik latar juga sering berkait rapat dengan emosi penonton. Kajian ini dilakukan hanya untuk menganalisis muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' dan menentukan kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram tersebut terhadap emosi penonton.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini pada asasnya bertujuan untuk membuat kajian tentang kadar keberkesanan muzik latar dalam filem Hollywood iaitu filem '*Lights Out*' diterbitkan pada tahun 2016 dan bagaimanakah ia memberi kesan kepada emosi penonton. Di sini terdapat beberapa objektif yang disasarkan.

- I. Menganalisis muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016.
- II. Menentukan kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016 terhadap emosi penonton.

III. Menghasilkan sebuah filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian.

IV.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan ialah untuk mengkaji persoalan berikut.

- I. Apakah muzik latar yang digunakan dalam filem '*lights Out*' 2016.
- II. Bagaimanakah tahap keberkesanan muzik latar dalam filem '*lights Out*' 2016.
- III. Bagaimanakah untuk menghasilkan filem pendek menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi input tentang aspek muzik latar dalam genre filem seram. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan untuk penyelidik- penyelidik yang ingin menjalani kajian tentang muzik latar dalam filem seram. Pengkaji juga ingin memberi pengetahuan atau gambaran bagaimana sesuatu emosi berfungsi apabila unsur muzik latar dalam sesebuah filem seram memainkan peranan utama semasa menonton filem tersebut. Selain itu, pengkaji juga berharap kajian ini akan dapat membantu masyarakat Malaysia untuk pemahaman tentang kepentingan muzik latar dalam sesebuah filem yang akan dikeluarkan oleh pengarah-pengarah negara kita.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan terhadap filem seram iaitu filem 'Lights Out' yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan pengarah filem ini ialah David F. Sandberg. Dalam kajian ini, pengkaji mengehendkan kajian dengan mengkaji mengenai genre filem seram Hollywood bertajuk 'Lights Out' supaya kebanyakan filem-filem seram terkini kurang menitikberatkan muzik latar terhadap emosi penonton. Pengkaji juga mengkaji bagaimana muzik latar dalam sebuah filem seram khususnya dalam filem 'Lights Out' ini boleh memberi kesan emosi kepada penonton. Kajian ini menjadi tumpuan utama kerana didapati muzik latar yang digunakan sangat bersesuaian dengan ceritanya. Hal ini terbukti melalui pencapaian yang dicapai oleh filem itu dimana ia memenangi kategori 'Best Film' dan dicalonkan untuk kategori 'Best Score' (FRIGHT METER AWARDS). Untuk memantapkan kajian ini, pengkaji menyediakan 3 buah video pendek untuk dipaparkan kepada responden dan set soal selidik akan diberi untuk dijawab oleh responden selepas menonton 3 video tersebut untuk menjayakan objektif-objektif kajian ini.

1.6 STRUKTUR ORGANISASI

Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai 5 bab yang mana dimulai dengan bab 1 yang mengemukakan aspek-aspek yang ingin dikaji secara ringkas seperti objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini menerusi isu dan permasalahan yang timbul serta kepentingan hasil daripada kajian yang dijalankan ini.

Pada Bab 2 pula, membincangkan tentang rujukan literasi-literasi kajian terdahulu dalam mendapatkan maklumat sokongan yang berkaitan dengan topik kajian. Kajian-kajian lepas telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan agar dapat membezakan kajian ini dengan kajian terdahulu dan juga digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini mengenai muzik latar dalam filem seram.

Kemudian, bab 3 pula, membincangkan metodologi kajian yang telah digunakan dalam menjalankan kajian ini bagi memperoleh segala maklumat dalam penulisan ini. Perkara ini bertujuan untuk memberi penjelasan bagaimana prosedur kajian dijalankan, pengumpulan data-data dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat. Selain itu, bab ini juga berkaitan dengan pengukuran kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram ‘Lights Out’ 2016 kepada emosi penonton.

Seterusnya, bab 4 pula, membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik dan pemaparan video pendek yang membantu memantapkan proses dan susunan kajian ini. Hasil kajian yang ditunjukkan secara keseluruhannya melalui rajah yang mengandungi peratusan.

Akhir sekali adalah bab 5 yang menggabungkan secara keseluruhan hasil kajian yang diperolehi dan membuat kesimpulan keseluruhan kajian ini. Pencapaian yang diperolehi berdasarkan hasil kajian juga dibincangkan bagi mengemukakan intipati dan menjayakan kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam usaha untuk mendapatkan dapatan sokongan terhadap bahan kajian, pengkaji telah membuat rujukan menggunakan beberapa bahan penulisan terdahulu sebagai bahan literasi bertujuan dalam meneliti aspek-aspek yang perlu diketahui mengenai fokus kajian di dalam bidang muzik yang berkaitan dengan filem yang dipilih iaitu filem seram. Berdasarkan kepada tajuk kajian, beberapa topik telah difokuskan sebagai bahan rujukan di mana hasil daripada penulisan-penulisan ini mampu untuk dijadikan sebagai bahan sokongan dan panduan sama ada dari segi teoritikal mahupun empirikal.

2.1 KAJIAN LEPAS

Filem boleh dikatakan merujuk kepada karakter sifatnya sebagai bahan cerita yang mengandungi ciri-ciri naratif yang tersendiri sepertimana teater, television, mahupun video di mana kebanyakan masyarakat menganggapnya sebagai sumber hiburan. Sifat naratifnya terbina hasil daripada gabungan dua aspek penting iaitu visual (tema, plot, watak, kemuncak, pesona) dan audio (dialog, muzik). (Cohen, 2001)

Wajah dan tubuh sesebuah filem dicipta hasil daripada elemen visual manakala rasa, emosi dan mood terhasil daripada elemen audio. Oleh kerana filem dan muzik ini amat berkait rapat dengan dua modaliti deria manusia iaitu penglihatan (visual) dan pendengaran (audio), hubungan antara filem dan muzik ini mampu memberi kesan secara psikologi ketika di dalam aktiviti penafsiran filem (Bottin, 2002). Muzik merupakan unsur audio atau bunyi yang berfungsi untuk menambahkan potensi ekspresif kandungan sesebuah filem selain berperanan untuk mengubah psikologi penonton terhadap arus pergerakan imej. Daripada

kajian lepas ini, sebagai pengkaji kajian ini, pengkaji menggunakannya untuk dijadikan sebagai panduan untuk memahami konsep perbezaan dan perhubungan antara audio dan visual dalam sesuatu filem.

Perkataan muzik berasal daripada perkataan bahasa Greek iaitu 'muisike' atau 'mousa'. Perkataan tersebut membawa maksud sebagai bidadari yang dianggap anak – anak tuhan Zeus dalam unsur mitos masyarakat Greek (Sidik, 2017). Muzik terbahagi kepada tujuh bahagian yang tertentu iaitu bunyi, *intervals*, *genera*, *mod*, *mutations* dan *melopoeia*. Selain tujuh bahagian ini, terdapat lima elemen yang penting lagi iaitu *rhythm*, *Metre*, *organic*, *hypocritic* dan *poetic*. (Burney). Kajian Charles Burney pula, telah dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan kajian dengan membantu pengkaji untuk membezakan ataupun fahamkan pembahagian jenis-jenis muzik.

Menurut kajian Nicholas Cook (1998), kesan emosi dan rasa terhadap filem juga terletak pada kekuatan elemen muzik berbanding dialog sebagai sumber audio di mana perubahan daripada kesan interaksi muzik tersebut mampu memberikan malah berubah makna yang terhasil daripada elemen yang selainnya. Hal ini menunjukkan muzik memainkan sebahagian besar perannya dalam menentukan hala tuju keperibadian sifat dan jiwa sesebuah filem. Justifikasi daripada teori Nicholas Cook membantu pengkaji untuk memantapkan lagi kajian ini mengenai mental (emosi).

Unsur kesenian merupakan suatu perkara yang paling penting dalam kehidupan seharian manusia. Hal ini demikian manusia selalu berkait rapat dengan unsur kesenian ini yang mempengaruhi emosi, gaya hidup, adat istiadat mereka. Kesenian sebenarnya membawa maksud sebagai suatu seni yang halus. Muzik, sajak, tarian, filem, arca boleh dikategorikan sebagai unsur kesenian. Seni sebenarnya mewakili emosi, pandangan, interpretasi masyarakat tentang sesuatu perkara (Davies, 2013).

Muzik telah dikenali sebagai suatu medium elemen sosial asas dalam kalangan masyarakat sejak Zaman Yunani dahulu lagi (Yudkin, J. (2008) *understanding music*. washington: pearson.). Terdapat dua dimensi yang utama. Pertamanya ialah muzik yang mempunyai kaitan secara peribadi melalui emosi. Keduanya, muzik yang diasaskan oleh pengalaman masyarakat. (Martin, B. 1981 *the sociology of contemporary cultural change*. basil blackwell: oxford).

Mengikut kajian Norshafawati saari, Asiah Sarji dan Fuziah kartini binti Hassan Basri yang berjudul 'muzik dan pembangunan sosial' dalam paparan dasar industri hiburan dalam akhbar– akhbar di Malaysia yang dilakukan di Universiti Kebangsaan Malaysia menyatakan bahawa muzik berfungsi sebagai alat komunikasi. Hal ini demikian muzik mempunyai empat unsur asas komunikasi iaitu penerima, sumber, mesej, dan saluran (Norshafawati saari, Asiah Sarji dan Fuziah kartini binti hassan, 2010). Terdapat tiga elemen utama yang perlu diberi perhatian dalam muzik. Antaranya ialah *rhythm*, *melody* dan *harmony*. *Rhythm* juga boleh dikatakan sebagai *beat*, *meter*, *tempo*, *syncopation* dan *polyrhythm*. *Rhythm* merupakan masa dalam sesuatu muzik. *Melody* pula memfokuskan *pitch* dalam muzik. *Harmony* pula memfokuskan kombinasi *pitch* dan *chord*. Jeremy Yudkin pula menghuraikan tentang elemen– elemen yang terdapat dalam muzik. Antaranya ialah *Melody*, *Pitch*, *Note names*, *Intervals*, *Dynamics*, *Rhythm*, *Tempo* dan *Harmony*. Beliau juga menyatakan bahawa muzik berperanan untuk menyampaikan unsur komunikasi dan ungkapan emosi. Pada masa yang sama, bukunya memfokuskan kepada kronologi muzik dari zaman sebelum Renaissance hingga ke 20th century. Beliau juga mengkaji tentang instrumen muzik yang digunakan oleh negara – negara tertentu di dunia ini (Yudkin, Understanding music, 2016).

Diegetic sound atau *source music* merupakan bunyi yang dihasilkan oleh pergerakan atau tindakan yang dilakukan dalam filem tersebut. Muzik ini akan membantu untuk menarik perhatian penonton dan menyampaikan realisme dalam babak tertentu dalam filem.

Manakala, *non-diegetic* atau *background music* merupakan muzik yang dihasilkan selain dari aksi yang dilakukan dalam filem tersebut. Secara keseleruhannya, *diegetic sound* adalah untuk menekankan *realism* manakala *non-diegetic* merupakan muzik yang digunakan untuk memberi kesan dramatic untuk sesuatu filem (B.Holbrook, M. (2011). *Musics, Movies, Meanings and Marketing*. New York: Routledge). *Non-diegetic* sebenarnya terbahagi kepada beberapa jenis lagi. Antaranya ialah muzik latar, muzik persekitaraan, muzik efek dan sebagainya. Kajian ini dibuktikan oleh *Angelito Pérez Nijhuis*.

Kajian *Angelito Pérez Nijhuis* berjudul “*Background Music in Educational Films: The effect of background music induced arousal on the memory and the evaluation of information presented in educational films*” (2010) merupakan kajian Ijazah sarjana Psikologi yang telah dilakukan di *University of Twente*. Menurut kajiannya, dibuktikan bahawa tahap (*excitement*) muzik latar mempengaruhi memori yang telah dibentangkan dalam *educational films*. Pengkaji mengkaji kesan muzik latar terhadap filem berunsur pendidikan (*educational films*) dan juga mengkaji memori pelajar atau pandangan pertama mereka semasa menonton filem yang mempunyai muzik latar. Kajian ini membuktikan bahawa wujudnya muzik latar dalam *educational films* lebih baik dan kuatnya memori berbanding dengan *educational films* yang tidak mempunyai muzik latar (*Angelito Pérez Nijhuis*. Kajian *Angelito Pérez Nijhuis*, 2010).

Artikel *Marilyn Boltz*, *Maithew Schulkind*, dan *Suzanne Kantra* berjudul “*Effects of background music on the remembering of filmed events*” (1991) merupakan kajian yang dilakukan di *Haverford College*, *Haverford*, *Pennsylvania*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kepentingan muzik latar dalam filem dengan mengemukakan dua strategi yang penting iaitu “*foreshadowing*” dan “*accompaniment*.” Pengkaji memfokuskan kajian secara terperinci dengan mengkaji kesan muzik latar terhadap *behavioral affect* dan emosi. Kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji sama ada muzik memainkan peranan untuk mengingatkan sesuatu babak dan syot dalam filem atau tidak. Hasil kajiannya membuktikan bahawa muzik

latar boleh mempengaruhi mood, emosi, dan memori penonton (Marilyn Boltz, Maithew Schulkind, and Suzanne Kantra, 1991).

Menurut Kajian berjudul "*Quantitative and Visual Analysis of the Impact of Music on Perceived Emotion of Film*" (2007) yang telah dilakukan di *University of Southern California Viterbi School of Engineering*, *Thayer's two-dimensional arousal model* digunakan untuk mengukur emosi penonton semasa menonton filem. Kajian ini membezakan kehadiran elemen muzik dalam filem kepada 3 bahagian iaitu, filem tanpa muzik, muzik tanpa filem dan filem dengan muzik. Pengkaji memfokuskan bagaimana muzik dalam filem memberi kesan terhadap persepsi emosi penonton. Akhirnya kombinasi filem dengan muzik telah mewujudkan emosi yang kuat jika berbanding dengan filem yang tanpa muzik dan muzik yang tanpa filem. Kajian pengkaji juga telah menggunakan *Thayer's two-dimensional arousal model* untuk mengukur emosi penonton dalam filem. Hasil kajiannya menyatakan bahawa filem dan muzik akan berhubungkait antara satu sama lain untuk memberi emosi yang lebih kuat (Rob Parke, Elaine Chew, dan Chris Kyriakakis, 2007).

Pada masa yang sama, sebuah kajian yang berjudul "*Unforgettable film music: The role of emotion in episodic long-term memory for music*" yang dilakukan oleh *Susann Eschrich, Thomas F Münte and Eckart O Altenmüller* untuk menguji pengaruh struktur muzik terhadap memori dan emosi penonton. Kajian mereka membuktikan bahawa muzik memainkan peranan penting dalam mengekalkan memori masyarakat dan emosi penonton dalam filem. (Susann Eschrich, Thomas F Münte and Eckart O Altenmüller, 2008).

Kajian Li Zheyu berjudul, "*The key elements of horror films: comparative study between Thailand and China*" (2018) merupakan kajian Ijazah Sarjana Kesenian (Komunikasi) yang dilakukan di Universiti Bangkok. Kajian beliau dilakukan untuk memerhatikan dan menganalisis filem seram China dan Thailand. Pada masa yang sama, beliau menyatakan persamaan dan perbezaan antara elemen – elemen yang

terdapat dalam filem seram. Beliau juga telah mengkaji tentang peranan muzik sebagai salah satu elemen teknikal yang penting dalam filem seram China dan Thailand. Hasil kajiannya menentukan bahawa muzik merupakan salah satu elemen yang penting dalam filem seram China dan Thailand dan muzik memainkan peranan terhadap *mood*, masa, karakter, masa, tempat dalam filem dan juga emosi penonton. (Zheyu, *The key elements of horror films: comparative study between Thailand and China*, 2018).

Menurut Cohen, beliau menyatakan tentang perbezaan antara mood dan emosi. Mood merupakan satu suasana emosi yang berpunca dari pengalaman dan reaksi penonton terhadap scene dalam keadaan yang tertentu. Mood suspense (cemas) atau seram merupakan contoh mood yang terhasil dari kesan aplikasi muzikal. Sebaliknya emosi merupakan perasaan yang bergantung kepada "*object-relate*" (hubungan interaksi terhadap objek) di mana pendefinisiannya seringkali dikaitkan dengan sesuatu objek yang menimbulkan sesuatu emosi. (Cohen, 2010).

Kajian Jayree Bin Mili berjudul, "Peranan muzik dalam filem seram (bunyi persekitaraan, muzik dan bunyi efek): Call Me" (2007) merupakan kajian Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan kepujian (sinematografi) di Universiti Malaysia Sarawak. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenalpasti jenis – jenis bunyi yang digunakan dan peranannya dalam babak dan setiap syot dalam filem seram. Persamaan utama penggunaan bunyi antara filem "*Pontianak Harum Sundal Malam II*" dan "*Ghost of Mae Nak*" juga telah dikaji. Hasil kajiannya menentukan bahawa elemen muzik / bunyi dan syot memainkan peranan penting dalam filem seram khususnya dalam emosi penonton. (Mili J. b., 2007).

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kaedah atau metodologi kajian yang telah digunakan dalam menjalankan kajian ini bagi memperoleh segala maklumat dalam penulisan ini. Perkara ini bertujuan untuk memberi penjelasan bagaimana prosedur kajian dijalankan, pengumpulan data-data dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat. Metodologi merupakan elemen penting yang perlu diambil berat apabila menjalankan sesebuah penyelidikan kerana ia merupakan satu kaedah bagaimana sesebuah penyelidikan itu dijalankan. Ianya dapat membantu di dalam memastikan penyelidikan dapat dijalankan secara tersusun dan seterusnya menghasilkan keputusan penyelidikan yang baik. Menurut Strauus & Cobbin, 1998, metodologi merupakan satu cara memikir kaedah penelitian dalam sesuatu kajian. Proses metodologi ini sangat penting kerana proses tersebut menjadi satu pendekatan kajian sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Metodologi dalam bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian.

Selain itu, metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunapakai bagi penyelidikan yang telah dijalankan disebabkan kesesuaiannya dalam menentukan tatacara yang efektif dan dapat menjawab segala permasalahan kajian yang diperoleh. Metodologi kajian juga berfungsi sebagai indikator yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu kajian kerana ia dapat menjadi satu panduan yang tepat dalam mencapai segala objektif yang ingin dicapai. Dengan itu, tujuan menjalankan kajian ialah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan sesuatu langkah ilmiah yang sistematik. Bagi melaksanakan kajian ini,

pengkaji akan memastikan teknik-teknik kajian yang dipilih dapat menjamin kajian dilakukan secara lebih teratur dan teliti dalam semua aspek.

3.1 REKABENTUK KAJIAN DAN TEKNIK KAJIAN

Berdasarkan bentuk persoalan kajian, pengkaji lebih memfokuskan kaedah kualitatif sebagai rekabentuk kajian atau kaedah pengumpulan data untuk memantapkan kajian mengenai muzik latar dalam filem seram '*Lights Out*' 2016. Menurut Patton (1990) kaedah pengumpulan data berbentuk kualitatif terhasil daripada beberapa teknik kajian yang terdiri daripada kaedah soal selidik, kaedah temubual dan kaedah pemerhatian.

Selain itu, kajian kes ini dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data menurut Cresswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data. Kajian kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim 2006).

Teknik kajian merujuk kepada penggunaan berbagai strategi bagi pengumpulan data bagi mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Bryman & Bell 2007). Bagi Wolcott (2009) teknik kajian merujuk kepada prinsip yang mendasari suatu persoalan dan tidak hanya merujuk kepada teknik khusus sahaja. Namun kajian ini akan menggunakan teknik kajian soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data (R.Benz, 1998). Kajian kualitatif menurut (2008) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis.

3.2 CARTA ALIR PROSES KAJIAN

Metodologi kajian dan strategi yang disusun untuk mendapatkan maklumat dan data untuk mencapai objektif dan matlamat kajian seperti yang dijelaskan dalam Rajah berikut:



Carta alir proses yang dijalankan.

4.2.1 PROSES PENGUMPULAN DATA

Pada peringkat ini, pengkaji akan bermula dengan aktiviti pengumpulan data ataupun maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Pengumpulan data memainkan peranan yang sangat penting dalam analisis statistik. Dalam penyelidikan, terdapat kaedah yang berbeza yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat, yang semuanya termasuk dalam dua kategori, iaitu data primer, dan data sekunder. Seperti namanya, data utama adalah satu yang dikumpul buat kali pertama oleh penyelidik sementara data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan atau dihasilkan oleh orang lain.

4.2.1.1 DATA PRIMER

Data primer adalah data yang dihasilkan buat kali pertama oleh penyelidik menerusi usaha dan pengalaman langsung, khusus untuk tujuan menangani masalah penyelidikannya. Juga dikenali sebagai tangan pertama atau data mentah. Pengumpulan data primer agak mahal, kerana penyelidikan dijalankan oleh organisasi atau agensi itu sendiri, yang memerlukan sumber daya seperti investasi dan tenaga kerja. Pengumpulan data adalah di bawah kawalan langsung dan penyeliaan penyiasat. Data boleh dikumpulkan melalui pelbagai kaedah seperti tinjauan, pemerhatian, ujian fizikal, soal selidik yang dihantar, soal selidik yang diisi dan dihantar oleh pencari, wawancara peribadi, wawancara telefon, kumpulan fokus, kajian kes, dan lain-lain.

4.2.1.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder ini diambil oleh penyelidik sebagai rujukan dalam kajian untuk

mendapatkan data dan maklumat yang sahih dan tepat. Data sekunder ini juga dikenali sebagai data-data yang sedia ada menerusi media massa yang terdiri daripada media elektronik dan media bercetak. Data sekunder ini meliputi tiga kaedah iaitu jurnal, buku dan internet. Media elektronik terdiri daripada berita, laman sesawang manakala media bercetak pula, terdiri daripada surat khabar, majalah, buku, risalah dan bahan-bahan bercetak yang lain. Data sekunder ini juga memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan berpandukan maklumat yang tepat menerusi kajian terdahulu yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Dalam kaedah ini lebih mefokuskan kepada pengumpulan data-data yang diperolehi menerusi jurnal, buku dan juga internet menerusi enjin pencarian internet 'Google Book' ataupun 'Google Scholar'.

Secara keseluruhannya, untuk menjayakan kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua data iaitu data primer dan sekunder sebagai proses pengumpulan data. Contohnya, daripada data primer, pengkaji menggunakan cara soal-selidik dan kajian kes. Manakala, daripada data sekunder pula, pengkaji menggunakan jurnal, 'Google Scholar', 'Google Book', buku rujukan, internet dan sebagainya. Data-data yang dikumpul dapat menyumbangkan dan menjayakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sehingga mencapai objektifnya.

4.2.2 KAEDAH PERPUSTAKAAN

Kaedah perpustakaan merupakan satu kajian yang dilakukan dengan berpandukan teks ataupun bahan-bahan penulisan tokoh akademik yang sudah diterbitkan bagi memastikan data ataupun maklumat yang diperolehi menerusi bahan penulisan tersebut sahih dan tepat. Kaedah perpustakaan ini

sangat sesuai digunakan dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji supaya kajian ini berjalan dengan lancar dan bersistematik.

Kaedah perpustakaan ini juga dijadikan sebagai panduan ataupun sumber utama oleh pengkaji dalam menyediakan kajian ini. Oleh itu, pengkaji menjalankan kaedah dokumentasi ini dengan mencari maklumat bertulis yang tepat dan benar berasaskan kepada sumber rujukan buku, bahan ilmiah, jurnal, dan juga bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain yang berkaitan dengan kajian keberkesanan muzik latar dalam filem filem '*Lights Out*' (2016).

Melalui kaedah ini, pengkaji akan mendapat maklumat yang mempunyai bukti yang kukuh melalui pembacaan serta menjayakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, kajian ilmiah daripada pengkaji-pengkaji terdahulu juga digunakan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam membantu perjalanan kajian ini.

4.2.3 KAEDAH ANALISIS KANDUNGAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks yang berdasarkan analisis kandungan. Dalam pendekatan kajian kualitatif ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis atau meneliti filem yang ingin dikaji sebelum memulakan kajian pengkaji. Pengkaji membuat analisis isi kandungan cerita berdasarkan muzik latar dan membuat pemerhatian terhadap muzik-muzik, bunyi, instrumen, dan teknik-teknik yang digunakan dalam filem '*Lights Out*' 2016 tersebut.

4.2.4 KAEDAH INTERNET

Selain daripada itu, pengkaji turut mendapatkan maklumat daripada sumber laman sesawang iaitu internet. Kaedah Internet merupakan salah satu

sumber penting untuk mendapatkan data penting berkaitan kajian ini. Data-data ini digunakan untuk menguatkan lagi sesuatu hujah selain menjadi bukti kepada sesuatu pernyataan. Contohnya, apabila pengkaji menyatakan sesuatu fakta malah perlulah meletakkan pernyataan tokoh-tokoh ataupun kajian pengkaji lain sebagai sokongan untuk menunjukkan kepastian fakta itu.

3.2.5 INSTRUMEN KAJIAN

i. Soal Selidik

Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan dirangka dengan mudah. Melalui soal selidik maklumat berhubung dengan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana responden hanya dikehendaki memilih satu daripada beberapa jawapan yang diberikan.

Dalam menjayakan kajiani ini, responden akan disoal selidik menggunakan tiga buah video yang berbeza tetapi dipetika daripada filem yang sama iaitu '*Lights Out*' (2016) yang diedarkan menggunakan *google drive link* bersama soalan berkaitan dengan video. Responden akan meneliti tiga buah video ini dan akan menjawab soal selidik yang disediakan oleh pengkaji menggunakan *Google Form*. Dalam soal selidik yang disediakan kepada responden merangkumi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Dalam Bahagian A, ia membincangkan tentang latar belakang responden. Latar belakang yang asas adalah jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, pekerjaan dan status perkahwinan. Dalam Bahagian B pula, ia membincangkan tentang objektif pertama iaitu untuk menganalisis muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' (2016). Manakala Bahagian C pula, membincangkan tentang objektif kajian kedua iaitu untuk menentukan kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016 terhadap emosi penonton.

Berikut adalah jadual kategori pembahagian Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BIL	BAHAGIAN	CATATAN
1	Bahagian B	Bahagian ini akan membincangkan tentang latar belakang responden. Latar belakang yang asas adalah jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, pekerjaan dan status perkahwinan.
2	Bahagian B	Bahagian B pula, akan membincangkan persepsi ataupun pendapat para responden mengenai video yang ditonton oleh mereka. Mereka akan menjawab soalan yang diberikan oleh pengkaji selepas menonton 3 jenis video bertempoh 40 saat. Pengkaji menggunakan 3 video pendek yang berbeza dipetik daripada filem yang digunakan dalam kajian ini iaitu file Hollywood ' <i>Lights Out</i> ' 2016. Hal ini akan membantu pengkaji untuk mengambil data untuk dianalisis dan untuk menjayakan objektif dan persoalan



		kajian ini mengenai kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood ‘ <i>Lights Out</i> ’ 2016 terhadap emosi penonton.
2	Bahagian C	Bahagian C ini akan membincangkan tentang objektif kedua dan datanya. Pengkaji akan memperoleh data mengenai tahap keberkesanan muzik latar berdasarkan emosi penonton dan kepentingan muzik latar dalam filem seram ini. Hal ini juga akan membantu pengkaji untuk mengambil data untuk dianalisis dan untuk menjayakan objektif kedua mengenai kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood ‘ <i>Lights Out</i> ’ 2016 terhadap emosi penonton.

Berikut adalah 3 tiga buah video pendek berbeza yang akan digunakan untuk mengukur kadar keberkesanan emosi terhadap responden. 3 buah video ini bertempoh 40 saat yang akan ditayangkan kepada responden dan ketiga-tiga *scene* adalah daripada filem yang sama iaitu filem yang dikaji dalam kajian ini, filem seram Hollywood ‘*Lights Out*’ 2016. Berikut adalah 3 buah video yang akan disediakan kepada responden.

FILEM : LIGHTS OUT (2016)

FILEM : LIGHTS OUT (2016)

FILEM : LIGHTS OUT (2016)



SCENE 1

SCENE 2

SCENE 3

ii. Penggunaan SPSS

Pengolahan data secara manual memiliki beberapa kelemahan, salah satunya adalah proses pengolahan data sering berlangsung lama dan hasil yang diperolehi boleh jadi tidak tepat. SPSS atau *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) merupakan perisian komputer yang dapat dijadikan salah satu alternatif untuk mengolah data statistik hingga dihasilkan informasi yang relevan dan tepat. Selain itu, penggunaan SPSS ini bertujuan untuk melakukan analisis statistik dan memaparkan beberapa ilustrasi seperti graf dan carta berhubung hasil data yang diperolehi daripada hasil soal selidik yang diedarkan kepada responden. Pengkaji akan menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis set soal selidik yang telah dijalankan kepada responden. Analisis yang digunakan ialah deskriptif statistik dengan merujuk sukatan kecenderungan tengah yang melibatkan setiap responden. Statistik diskriptif adalah satu angka tunggal yang boleh diguna memperihalkan sesuatu taburan data atau nilai-nilai pengamatan. Terdapat 3 jenis berbentuk sukatan kecenderungan tengah iaitu purata, penengah dan mod. Ia juga menggambarkan respon yang diterima dari individu dalam kajian ini.

3.3 RUMUSAN

Rumusan dan cadangan lanjut daripada hasil kajian akan diberi supaya dapat memberi kesinambungan untuk kajian pada masa akan datang. Selain itu, ia

juga digunakan untuk tujuan membuat perbandingan menerusi kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Di samping itu, rumusan akan dibuat dan beberapa cadangan turut diutarakan untuk menjayakan kajian ini. Seterusnya, penemuan bagi hasil kajian yang dilakukan akan dijadikan sebagai sumber rujukan serta panduan untuk menghasilkan beberapa cadangan dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan cara bagaimana penyelidik memperoleh informasi, data dan sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian. Penggunaan perisian SPSS dalam proses analisis data yang dikumpul merupakan kaedah yang sangat baik kerana memudahkan kerja menganalisis data dengan mudah dan sistematik. Penyelidik dapat menentukan metodologi kajian yang sesuai dengan tajuk kajian setelah meneliti segala aspek yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Metodologi kajian yang digunakan ini memudahkan penyelidik untuk memperoleh data dan informasi daripada responden kajian serta diharapkan ianya bersesuaian agar dapat mencapai objektif yang dikemukakan serta matlamat kajian. Ianya penting untuk melihat bagaimana kaedah ini berkesan dalam melaksanakan kajian. Oleh itu, setiap kajian yang dilakukan mempunyai metodologi kajian yang tersendiri mengikut jenis kajian yang dilakukan. Maka, sesebuah kajian yang baik merupakan hasil daripada metod dan kaedah-kaedah yang sesuai.


BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 BAHAGIAN B : MENGANALISIS MUZIK LATAR DALAM FILEM SERAM HOLLYWOOD '*LIGHTS OUT*' (2016).


Dalam Bahagian B, pengkaji menggunakan 3 video pendek yang berbeza dipetik daripada filem yang digunakan untuk membuat kajian ini iaitu filem seram Hollywood '*Lights Out*' yang dikeluarkan pada tahun 2016. Responden diminta untuk menonton 3 buah video pendek yang disediakan dalam '*google form*' sebelum menjawab soalan-soalan berikutnya. Tujuan pengkaji memasukkan 3 video pendek tersebut adalah untuk membantu mencapai objektif pertama pengkaji iaitu untuk menganalisis muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' (2016). Berikut adalah video-video berikut yang disediakan dalam '*google form*'. Selain daripada itu, dengan menggunakan kaedah pemaparan video seperti ini, dapat memperolehi data yang kukuh daripada responden supaya mereka akan menjawab soalan berdasarkan video yang ditonton semasa menjawab soal selidik yang diberikan. Situasi begini juga dapat menolong pengkaji untuk dapat jawapan yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

FILEM : LIGHTS OUT (2016)




SCENE 1

FILEM : LIGHTS OUT (2016)




SCENE 2

FILEM : LIGHTS OUT (2016)



SCENE 3

4.2.1 Adakah anda seorang pengemar filem seram Hollywood?




RAJAH 5 : PECAHAN MENGIKUT
PENGEMAR FILEM SERAM

Daripada data yang diperolehi, majoritinya terdapat bahawa mereka adalah pengemar filem seram Hollywood iaitu sebanyak 75% bersamaan dengan 30 orang responden. Hal ini kerana, kebanyakan orang sangat meminati genre filem seram khususnya filem seram Hollywood supaya industri Hollywood terus berusaha mencari idea baharu dengan jalan cerita lebih menarik dan mampu menakutkan penonton. Ia juga mencabar diri seseorang tetapi masih boleh dikawal. Selain itu juga, dengan kecanggihan pada hari ini, sangat senang untuk kita mendapatkan hiburan seram itu di rumah dan di mana-mana sahaja. Manakala, seramai 7 orang responden iaitu bersamaan dengan 17.5% menjawab separa setuju untuk soalan tersebut dan hal ini menunjukkan bahawa mungkin mereka gemar filem genre lain selain daripada filem genre seram. Maka, ada juga responden sebanyak 3 orang mewakili 7.5% bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai minat menonton filem seram Hollywood.

Pada pendapat pengkaji juga, kerana sesetengah orang menonton filem seram seolah-olah menjadi satu ketagihan apabila mendapat tahu kemampuan untuk bahawa kita dapat mengawal rasa seram tersebut maka mereka sangat gemar menonton filem-filem seram.

4.2.2 Adakah elemen muzik latar amat penting dalam sesebuah filem seram?

Pada pendapat anda, adakah elemen muzik latar amat penting dalam sesebuah filem seram?
40 responses




RAJAH 6: ELEMEN MUZIK LATAR AMAT PENTING DALAM SESEBUAH

Rajah diatas menunjukkan pendapat responden untuk soalan mengenai adakah elemen muzik latar penting dalam sesebuah filem seram. Tujuan utama pengkaji mengeluarkan soalan ini adalah dalam sesebuah filem seram, sifat pada muzik boleh melahirkan suatu kesedaran naratif yang tertentu di dalam minda pendengar/penonton. Terdapat majoriti iaitu 38 orang responden bersamaan 95% bersetuju bahawa elemen muzik latar amat penting dalam sesebuah filem seram. Manakala, hanya 2 orang responden sahaja iaitu bersamaan 5% menyatakan bahawa elemen muzik latar tidak

penting dalam sesebuah filem seram. Disini pengkaji ingin menghujah berdasarkan situasi begini bahawa sebuah kajian yang berjudul “*Unforgettable film music: The role of emotion in episodic long-term memory for music*” yang dilakukan oleh *Susann Eschrich, Thomas F Münte and Eckart O Altenmüller* untuk menguji pengaruh struktur muzik terhadap memori dan emosi penonton. Kajian mereka membuktikan bahawa muzik memainkan peranan penting dalam mengekalkan memori masyarakat dan emosi penonton dalam filem (Susann Eschrich, Thomas F Münte and Eckart O Altenmüller, 2008).

4.2.3 Daripada 3 video tersebut, yang manakah anda berasa sangat mengerikan atau menakutkan?

Daripada 3 video tersebut, yang manakah anda berasa sangat mengerikan atau menakutkan?
40 responses



RAJAH 7: PECAHAN MENGIKUT PEMILIHAN VIDEO YANG


Hasil daripada pengumpulan data responden, didapati bahawa majoritinya iaitu sebanyak 67.5% bersamaan 27 orang responden bersetuju bahawa keseleruhan 3 video pendek tersebut daripada filem ‘lights Out’ (2016) sangat

menakutkan dan mengerikan. Responden disoal selidik menggunakan 3 buah video pendek yang berbeza yang dipetik daripada filem Hollywood ‘*Lights Out*’ (2016). Bagi kategori video 1, terdapat 7.5% bersamaan 3 orang responden memilih pilihan video pertama. Bagi video 2 pula, terdapat hanya 1 orang responden bersamaan 2.5% memilih pilihan tersebut. Manakala, kedua paling tinggi adalah pilihan video 3 iaitu sebanyak 20% bersamaan 8 orang responden berpendapat bahawa video 3 paling menakutkan dan mengerikan. Daripada situasi begini, pengkaji berpendapat bahawa soalan ini mengenai kestabilan emosi apabila menonton sesuatu paparan daripada sesuatu filem seram. Hal ini demikian kerana apabila menonton sesuatu filem seram, ada segelintir orang tiada perasaan takut apabila menonton filem seram. Manakala ada orang juga berasa amat takut untuk menonton filem seram tetapi mereka tetap suka menonton filem-filem seram.

4.2.4 Daripada klip video yang ditonton, adakah muzik latar dalam filem ini mempengaruhi mood/ emosi anda?

Daripada klip video yang ditonton, adakah muzik latar dalam filem ini mempengaruhi mood/ emosi anda?

40 responses




RAJAH 8: MEMPENGARUHI MOOD/EMOSI PENONTON

Seterusnya, beralih kepada Rajah 8, terdapat bahawa 95% iaitu majoritinya 38 orang responden daripada 40 responden bersetuju bahawa muzik latar dalam 3 video pendek yang disediakan oleh pengkaji mempengaruhi mood atau emosi apabila menontonnya. Manakala, 2 orang responden daripada 40 orang responden berpendapat bahawa muzik latar dalam filem ini tidak mempengaruhi mood atau emosi apabila menonton 3 video pendek dalam soal selidik yang dijawab. Maka, dapat melihat bahawa kebanyakan orang responden berpendapat bahawa muzik latar memainkan peranan yang paling penting dalam mempengaruhi mood atau emosi seseorang apabila menontonnya. Hal ini demikian kerana, wajah dan tubuh sesebuah filem dicipta hasil daripada elemen visual manakala rasa, emosi dan mood terhasil daripada elemen audio. Oleh kerana filem dan muzik ini amat berkait rapat dengan dua modaliti deria manusia iaitu penglihatan (visual) dan pendengaran (audio), hubungan antara filem dan muzik ini mampu memberi kesan secara psikologi ketika di dalam aktiviti penafsiran filem.

4.2.5 Daripada klip video yang ditonton, adakah anda berasa elemen muzik latar dalam filem ini menjadikan filem itu sendiri ini lebih menyeronokkan dan menakjubkan?

Daripada klip video yang ditonton, adakah anda berasa elemen muzik latar dalam filem ini menjadikan filem itu sendiri ini lebih menyeronokkan dan menakjubkan?

40 responses



RAJAH 9: PECAHAN MENGIKUT ELEMEN MUZIK LATAR DALAM


Rajah diatas berdasarkan 3 video pendek yang pengkaji menggunakan dalam soal selidik juga. Dalam carta pai diatas, menunjukkan bahawa sama ada elemen muzik latar dalam filem *'Lights Out' (2016)* ini menjadikan filem itu sendiri lebih menyeronokkan atau tidak. Hasilnya, terdapat 95% iaitu terdiri daripada 38 orang responden menyatakan bahawa mereka berasa elemen muzik latar dalam 3 klip video yang ditonton ini menjadikan filem itu sendiri iaitu filem *'Lights Out' (2016)* lebih menyeronokkan dan menakjubkan. Manakala, ada juga responden seramai 2 orang bersamaan 5% berpendapat bahawa elemen muzik latar dalam video pendek yang ditonton tidak menjadikan filem itu sendiri lebih menyeronokkan dan menakjubkan. Maka. Disini pengkaji boleh dilihat semakin ramai iaitu majoriti seramai 38 orang daripada 40 responden bersetuju muzik latar dalam filem *'Lights Out' (2016)* ini sangat menyeronokkan disebabkan oleh muzik latar dalam filem ini

memainkan peranan yang amat penting. Bagi mengukuhkan dapatan ini, menurut kajian Sakka dan Juslin pada tahun 2017, mengatakan mekanisma evaluative conditioning atau persamaan evaluatif adalah persepsi atau memori sesuatu emosi yang terbentuk hasil dari pengulangan sesebuah muzik tertentu dengan suatu emosi (negatif atau positif). Sebagai contoh, pengulangan muzik yang bernada tinggi dan kuat disertakan dengan objek yang menakutkan seperti dalam filem seram (Saka dan Juslin, 2017).

4.2.6 Daripada klip video yang ditonton, adakah anda berasa takut dan terkejut apabila menonton video bersama muzik latar?

Daripada klip video yang ditonton, adakah anda berasa takut dan terkejut apabila menonton video bersama muzik latar?

40 responses



RAJAH 10: PECAHAN MENGIKUT ELEMEN MUZIK LATAR DALAM FILEM


Seterusnya, Rajah 10 menunjukkan bahawa daripada klip video yang ditonton, sama ada responden berasa takut/ terkejut atau tidak apabila menonton video bersama muzik latar. Kebiasaanya, sudah tentu mempunyai perasaan cemas, perasaan pendek nafas dan jantung berdegup-degup atau mungkin perasaan tidak boleh tidur malam ketika ataupun selepas menonton

sesebuah filem seram. Hasilnya, terdapat 85% bersamaan 34 orang responden iaitu paling tinggi berasa takut dan dan terkejut apabila menonton 3 video disediakan dalam soal selidik bersama muzik latar. Hal ini disebabkan oleh, 3 video pendek yang disediakan kepada penonton, mempunyai elemen muzik latar yang agak kuat seperti jenis muzik mengerikan, menakutkan, mengejutkan dan lain-lain maka situasi begini mesti mempengaruhi emosi penonton apabila menontonnya. Selain itu, terdapat juga sebanyak 10% mewakili 4 orang responden bersetuju separa dan sebanyak 5% bersamaan 2 orang responden berasa tidak takut dan terkejut apabila menonton 3 video pendek bersama muzik latarnya.

4.2.7 Daripada klip video yang ditonton, sebagai penonton, adakah muzik latar dalam video tersebut merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan?

Daripada klip video yang ditonton, sebagai penonton, adakah muzik latar dalam video tersebut merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan?

40 responses



RAJAH 11: PECAHAN MENGIKUT ADAKAH ELEMEN MUZIK LATAR PENTING

Beralih kepada carta pai keseterusnya iaitu rajah 11, menyatakan bahawa sama ada daripada klip video yang ditonton, muzik latar merupakan elemen

perlu dititikberatkan atau tidak. Hasilnya, terdapat majoritinya 90% iaitu bersamaan 36 orang bersetuju bahawa dalam video yang ditonton, muzik latar merupakan salah satu elemen penting yang perlu dititikberatkan. Manakala, 5% bersamaan 2 orang berpendapat bahawa muzik latar dalam video yang ditonton bukan salah satu elemen yang penting perlu dititikberatkan. Akhir sekali, ada juga responden seramai 2 orang bersamaan 5% separe setuju dengan pernyataan tersebut. Maka dilihat situasi begini, pengkaji berpendapat bahawa muzik latar berperanan sebagai satu naratif cerita. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai bentuk muzik yang dapat memainkan peranan penting dalam menghasilkan struktur naratif yang jelas. Sepertimana yang terdapat pada filem-filem seram, bentuk muzik latar ini merupakan huraian naratif yang merujuk kepada peristiwa, situasi atau pemikiran seseorang penonton semasa menonton sesebuah filem seram.


4.2 BAHAGIAN C : MENENTUKAN KADAR KEBERKESANAN MUZIK LATAR DALAM FILEM SERAM HOLLYWOOD '*LIGHTS OUT*' (2016) TERHADAP EMOSI PENONTON

Dalam sesuatu filem seram khususnya dalam filem seram Hollywood, kebiasaannya mereka memberi tumpuan utama dalam menghasilkan skor muzik ataupun muzik latar yang sangat berkesan untuk menarik perhatian penonton. Situasi ini boleh dikatakan sebagai satu kekuatan yang sedia ada oleh industri Hollywood khususnya dalam pembuatan filem-filem seram seperti '*Lights Out*' (2016). Kesenambungan daripada pernyataan tersebut, pengkaji ingin membuktikan bahawa filem seram Hollywood '*Lights Out*' (2016) memberi kesan kepada emosi penonton. Caranya ialah soal selidik yang mempunyai Bahagian C. Daripada bahagian ini, pengkaji dapat memperoleh data mengenai tahap keberkesanan berdasarkan emosi penonton dan kepentingan muzik latar dalam filem seram ini. Hal ini juga akan membantu pengkaji untuk mengambil data untuk dianalisis dan untuk menjayakan objektif kedua mengenai kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016 terhadap emosi penonton.

4.3.1 Apabila anda menonton sebuah filem seram, adakah anda lebih digemari menontonnya bersama muzik latar yang mengerikan atau menakutkan?

Apabila anda menonton sebuah filem seram, adakah anda lebih digemari menontonnya bersama muzik latar yang mengerikan atau menakutkan?

40 responses




RAJAH 12

Rajah diatas menunjukkan soalan mengenai apabila menonton sebuah filem seram, sama ada gemar menonton bersama muzik latar yang menakutkan atau tidak. Hasilnya, terdapat 97.5% iaitu paling ramai sebanyak 39 orang responden mengatakan bahawa apabila mereka menonton sesebuah filem seram, mereka lebih digemari menontonnya bersama muzik latar yang mengerikan dan menakutkan. Manakala, hanya 1 orang responden bersamaan 2.5% mengatakan bahawa tidak gemar menonton filem seram bersama muzik latar yang mengerikan dan menakutkan. Maka, majoritinya dapat dilihat bahawa dalam sesuatu filem seram, muzik latar yang padu amat penting untuk menarik perhatian audien semasa menonton. Maka, daripada pandangan pengkaji, muzik dalam filem seram kebiasaannya menyumbang beberapa fungsi kepada emosi dan mental. Antaranya, ia membantu membentuk tindak balas emosi penonton, mencipta irama pada

pemandangan dan segmen, serta memberi komen mengenai tindakan tersebut.

4.3.2 Adakah muzik latar boleh menyampaikan mesej tersirat kepada penonton?

Adakah muzik latar boleh menyampaikan mesej tersirat kepada penonton?
40 responses




RAJAH 13

Rajah 13 menunjukkan sama ada muzik latar menyampaikan mesej tersirat atau tidak. Hasilnya, sebanyak 80% majoritinya seramai 32 orang responden berpendapat bahawa muzik latar dalam sesebuah filem seram menyampaikan mesej tersirat kepada penonton. Manakala, 4 orang responden bersama 10% berpendapat bahawa muzik latar dalam sesebuah filem seram tidak menyampaikan mesej tersirat kepada penonton. Terdapat lagi 4 orang responden bersamaan 10% memilih pilhan separa setuju untuk soalan tersebut. Walaupun mesej yang ingin disampaikan melalui filem agak berat tetapi jalan ceritanya boleh difahami oleh penonton kerana ia diceritakan dengan sangat baik apabila ia disulam dengan plot dan elemen agama dengan 'padu' kerana banyak pengajaran yang boleh diperolehi.

4.3.3 Pada pendapat anda, filem seram keluaran manakah memberi kesedaran tentang kepentingan muzik latar dan berkesan semasa menonton?

Pada pendapat anda, filem seram keluaran manakah memberi kesedaran tentang kepentingan muzik latar dan berkesan semasa menonton?

40 responses



RAJAH 14


Berdasarkan data dikutip daripada soal selidik bagi soalan filem seram keluaran manakah memberi kesedaran tentang kepentingan muzik latar dan berkesan semasa menonton. Menurut artikel “*Music Cognition and the Cognitive Psychology of Film Structure*”, seorang ahli teori filem pada era tersebut menyatakan beberapa hal yang mengenai kesinambungan antara filem dan muzik menggunakan beberapa pendekatan muzik dalam metafora sebagai tajuk perbincangan terhadap pandangan filem dan kesannya dengan kesan psikologi. Hasilnya, terdapat majoriti sebanyak 92.5% bersamaan 37 orang responden memilih filem seram keluaran Hollywood memberi kesedaran tentang kepentingan muzik latar dan berkesan semasa menonton. Manakala, bagi pilihan filem seram keluaran tempatan, terdapat hanya 2.5% bersamaan 1 orang responden sahaja. Bukan itu sahaja, bagi kategori lain-

lain pula, didapati sebanyak 2 orang responden bersamaan 5% membuat pilihan tersebut.

4.3.4 Daripada filem seram keluaran Hollywood dan filem seram keluaran tempatan, yang manakah paling digemari oleh anda?

Daripada filem seram keluaran Hollywood dan filem seram keluaran tempatan, yang manakah paling digemari oleh anda?

40 responses




RAJAH 15

Rajah diatas menunjukkan sama ada filem seram keluaran tempatan atau filem seram keluaran Hollywood paling digemari oleh penonton. Hasilnya, didapati bahawa filem seram keluaran Hollywood memenangi penonton yang paling ramai iaitu sebanyak 95% bersamaan 38 orang responden menyatakan bahawa filem seram keluaran Hollywood paling digemari oleh mereka. Manakala daripada data, didapati juga filem seram keluaran tempatan juga digemari oleh 2 responden bersamaan 5%. Disini, pengkaji ingin mengatakan bahawa pengaruh filem Hollywood banyak memberi sumbangan khususnya untuk para penonton tempatan.

4.3.5 Adakah anda berasa elemen muzik latar dalam filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem keluaran filem seram Hollywood?

Adakah anda berasa elemen muzik latar dalam filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem keluaran filem seram Hollywood?
40 responses




RAJAH 16

Seterusnya, bagi soalan seterusnya sama ada elemen muzik latar dalam filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem seram keluaran Hollywood. Hasil daripada pengumpulan data, didapati bahawa 92.5% bersamaan 37 orang responden bersetuju bahawa elemen muzik latar dalam filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem seram keluaran Hollywood. Manakala 7.5% bersamaan 3 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan mereka mungkin berpendapat bahawa elemen muzik latar dalam filem seram keluaran tempatan tidak perlu dipertingkatkan dan tidak perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem seram keluaran Hollywood.

4.3.6 Sebagai warganegara Malaysia, adakah anda berasa filem seram keluaran tempatan dapat memenuhi kehendak dan menarik perhatian penonton dari segi elemen muzik latar?

Sebagai warganegara Malaysia, adakah anda berasa filem seram keluaran tempatan dapat memenuhi kehendak dan menarik perhatian penonton dari segi elemen muzik latar?

40 responses



RAJAH 17

Berdasarkan soalan kajian ini, didapati filem seram keluaran tempatan kurang memenuhi kehendak dan kurang menarik perhatian penonton dari segi elemen muzik latar. Hal ini terbukti disini apabila sebanyak 52.5% bersamaan 21 orang responden berasa filem seram keluaran tempatan tidak memenuhi kehendak mereka dan kurang menarik perhatian dari segi muzik latar. Hal ini kerana, kemungkinan besar adalah industri Hollywood banyak menggunakan teknologi yang canggih walaupun dalam pembuatan sesuatu filem biasa. Kegunaan teknologi yang berjenis dan bajet yang tinggi merupakan kekuatan besar pihak industri Hollywood dalam mengeluarkan filem-filem seram yang berkualiti ataupun berproduktif. Dari segi muzik latar pula, industri Hollywood sering menggunakan pelbagai teknologi seperti 'vfx sound', 'sound engineering', 'foley' dan sebagainya untuk meningkatkan mutu atau kualiti filem kebiasaannya. Manakala, terdapat juga responden seramai 5 orang

bersamaan 12.5% berpendapat bahawa filem seram keluaran tempatan memenuhi kehendak mereka dan kurang menarik perhatian dari segi muzik latar. Selain daripada itu juga, terdapat juga 35% bersamaan 14 orang responden membuat pilihan separa setuju. Hal ini kemungkinan mereka tidak mengetahui lebih mendalam tentang kepentingan muzik latar dalam sesebuah filem seram.

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa muzik latar dalam filem yang dikaji iaitu filem *Hollywood 'Lights Out'* 2016 amat bersesuaian dan memberi kesan terhadap emosi penonton. Hal ini bermakna, pengkaji ingin menitikberatkan bahawa objektif kajian ini telah dicapai dengan bantuan analisis dan dapatan kajian. Daripada keseleruhan dapatan kajian ini, didapati juga kebanyakan orang responden berpendapat bahawa muzik latar memainkan peranan yang paling penting dalam mempengaruhi mood atau emosi. Berdasarkan analisis dapatan kajian, ketidakwujudan muzik latar dalam sesuatu filem seram menjadikan filem seram itu tidak seram. Oleh itu, melalui kajian ini boleh dikatakan bahawa kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram terhadap emosi penonton amat tinggi. Selain daripada itu juga, kajian ini membuktikan bahawa filem keluaran tempatan perlu mempertingkatkan lagi kualiti dan *style* penghasilan sesuatu filem seram setaraf filem keluaran *Hollywood*.

BAB 5

PERBINCANGAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Semua perbincangan dan penemuan kajian yang telah dilakukan pada bab sebelumnya akan diringkaskan secara ringkas dalam bab ini. Dalam konteks ini, analisis telah dilakukan oleh pengkaji setelah mendapat seluruh keputusan daripada dapatan kajian yang dilakukan melalui pendekatan kuantitatif iaitu kajian soal selidik atas talian dengan menggunakan cara pengisian 'google form'. Terdapat 40 orang responden telah bertindak balas kepada soal selidik yang diedarkan. Kepentingan kajian ini adalah diharap dapat memberi input tentang aspek muzik latar dalam genre filem seram. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan untuk penyelidik- penyelidik yang ingin menjalani kajian tentang muzik latar dalam filem seram. Pengkaji juga ingin memberi pengetahuan atau gambaran bagaimana sesuatu emosi berfungsi apabila unsur muzik latar dalam sesebuah filem seram memainkan peranan utama semasa menonton filem tersebut. Daripada kajian dilakukan, bolehlah memahami dan mengetahui sejauhmanakah muzik latar sesuatu filem seram dapat memberi kesan emosi kepada penonton bagaimana muzik latar sebuah filem seram boleh berkait rapat dengan reaksi mental (emosi). Selain itu, melalui bab ini juga pengkaji akan memberikan satu kesimpulan terhadap hasil perbincangan secara menyeluruh dan juga cadangan untuk kajian lanjutan sebagai harapan kepada pembaca serta pengkaji yang akan datang dalam memberikan kesinambungan terhadap topik kajian.

Daripada dapatan kajian, pengkaji boleh mengatakan bahawa ketidakwujudan muzik latar dalam sesuatu filem seram menjadikan filem seram itu tidak seram. Filem seram kebiasaannya berpusat di sekitar sisi gelap kehidupan, perkara-perkara yang dilarang dan aneh serta peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dijelaskan. Disebabkan elemen-elemen unik filem seram ini membuatkan ia menjadi tumpuan peminat filem genre ini. Oleh itu, melalui kajian ini boleh dikatakan bahawa kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram terhadap emosi penonton amat tinggi. Sebagai contoh, menurut Rajah 11, pengkaji boleh membuktikan bahawa majoriti responden lebih gemar menonton sesebuah video seram bersama muzik latar yang mengerikan atau menakutkan. Hasil data bagi soalan itu ialah sebanyak 97.5% bersamaan dengan 39 orang responden. Minat terhadap filem seram mungkin lahir kerana filem bergenre seram sering memaparkan konsep dan elemen seram itu berdasarkan budaya serta kepercayaan setempat. Menurut *Gelder* (2000), filem bergenre seram secara keseluruhannya, bukan semata-mata berkonsepkan kematian dan kemusnahan, tetapi mengenai kebimbangan dalam sesebuah budaya (*cultural anxiety*). Sebagai contoh jika di Malaysia, representasi elemen seram kebiasaannya berdasarkan budaya atau kepercayaan serta mitos masyarakat Melayu seperti pontianak yang dipercayai adalah jelmaan wanita mati ketika melahirkan anak. Manakala di Hollywood pula, representasi elemen seram itu juga berdasarkan budaya atau kepercayaan dan mitos sesuatu tempat yang diwakili seperti kisah-kisah wanita mati dalam keadaan zalim dan sebagainya.

Selain itu, pengkaji boleh membuktikan bahawa elemen muzik latar amat penting dalam sesebuah filem seram berdasarkan Rajah 6. Terdapat majoriti iaitu 38 orang responden bersamaan 95% bersetuju bahawa elemen muzik latar amat penting dalam sesebuah filem seram. Hal ini dilihat, kebiasaannya sifat pada muzik boleh

melahirkan suatu kesedaran naratif yang tertentu di dalam minda pendengar/penonton. Disini juga, pengkaji ingin menteraskan bahawa muzik latar dalam sesebuah filem seram amat penting dan ia memberi kesan emosi yang agak tinggi kepada penontonnya.

Beralih kepada perbincangan seterusnya, hasil data daripada dapatan kajian, terdapat banyak responden berpendapat bahawa filem seram keluaran tempatan agak tidak memenuhi kehendak penonton dari segi pencapaian muzik latar. Pada pendapat saya, hal ini demikian kerana kebanyakan industri-industri lain seperti Hollywood, Bollywood dan lain-lain menggunakan banyak teknologi. Sebagai contoh, penggunaan '*sound engineering*', '*foley sound*', '*vfx sound*' efek, '*3D sound*', '*8D sound*', dan lain-lain lagi. Sebagai bukti, menurut Rajah 15, pengkaji boleh membuktikan bahawa didapati filem seram keluaran Hollywood memenangi penonton yang paling ramai iaitu sebanyak 95% bersamaan 38 orang responden menyatakan bahawa filem seram keluaran Hollywood paling digemari oleh mereka. Situasi ini boleh dikatakan bahawa pengaruh Hollywood banyak memainkan peranan dalam masyarakat kita khususnya dalam gaya filem seram yang ingin ditonton. Memandangkan situasi begini, pengkaji juga ingin menghujah bahawa laman sesawang *Box Office Mojo* melaporkan filem '*The Conjuring*' (2013) arahan James Wan mendapat kutipan paling tinggi setakat tahun 2016 di seluruh dunia iaitu sebanyak *USD* 137.4 juta, diikuti dengan filem '*The Conjuring 2*' (2016) sebanyak *USD* 102.48 juta. Filem *Annabelle* (2014) arahan John R. Leonetti pula mendapat kutipan sebanyak *USD* 84.234 juta dan filem *Insidious Chapter 2* (2013) arahan James Wan mendapat kutipan sebanyak *USD* 83.59 juta. Berdasarkan angka kutipan penontonan filem seram di Malaysia dan *Hollywood* ini terbukti bahawa filem

seram mempunyai peminatnya tersendiri dan merupakan antara genre filem yang ditunggu-tunggu oleh penonton.

Berdasarkan dapatan kajian, contoh lain yang pengkaji boleh buktikan adalah terdapat beberapa responden berpendapat bahawa filem seram keluaran tempatan kurang menarik perhatian penonton dari segi elemen muzik latar. Menurut rajah 17, sebanyak 52.5% bersamaan 21 orang responden berasa filem seram keluaran tempatan tidak memenuhi kehendak mereka dan kurang menarik perhatian dari segi muzik latar. Hal ini demikian kerana, walaupun genre filem seram adalah popular di Malaysia, namun pengkajian sarjana dalam genre ini masih kurang. Kekurangan pengkajian filem bergenre ini di Malaysia juga terbukti oleh Baharuddin Latif melalui buku beliau '*Krisis Filem Melayu*' (1983) membincangkan mengenai krisis-krisis yang di alami oleh filem Melayu serta industri perfileman Malaysia. Manakala Anuar Nor Arai (2007) pula dalam buku beliau '*Kumpulan Esei dan Kritikan Filem*' membicarakan secara analisis tekstual beberapa filem sekitar tahun 1960an hingga 2000an seperti aspek kemasyarakatan, politik, pengarahannya, sinematografi dan lain-lain lagi. Hal ini membuktikan bahawa filem seram sebagai satu genre kurang diberi focus. Berkesinambungan dengan tajuk kajian, pengkaji berpendapat bahawa filem seram keluaran tempatan perlu meningkatkan lagi teknik penggunaan muzik latar dengan lebih berkesan dan mungkin perlu disampaikan dalam kalangan masyarakat yang agak banyak.

Selain itu, menurut rajah 16, majoriti responden bersetuju bahawa filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem seram keluaran Hollywood. Hasil daripada pengumpulan data, didapati bahawa 92.5% bersamaan 37 orang responden bersetuju bahawa elemen muzik latar dalam

filem seram keluaran tempatan perlu dipertingkatkan dan perlu diperbaiki untuk dijadikan setaraf filem seram keluaran Hollywood. Disini pengkaji ingin menitikberatkan bahawa muzik latar dalam sesebuah filem seram harus difokus supaya muzik latar adalah sesuatu yang tidak boleh diabaikan dalam pembuatan sesebuah filem seram walaupun ia adalah filem Hollywood ataupun tempatan.

Seterusnya, muzik latar juga berfungsi sebagai satu cara untuk mengetahui mesej tersirat. Hal ini demikian kerana, sesuatu bunyi atau muzik boleh memberi gambaran atau idea apa yang akan dan sedang berlaku semasa menonton sesebuah cerita. Sebagai contoh, dalam filem seram apabila penonton dengan bunyi atau muzik yang suspen dalam sesuatu scene, maka penonton akan tahu sesuatu akan berlaku seperti mendebarkan hati ataupun kejutan. Disini, situasi begini menunjukkan bahawa muzik latar berfungsi sebagai satu alat untuk memberi mesej tersirat kepada audien. Berdasarkan dapatan kajian, rajah 13 menunjukkan sebanyak 80% majoritinya seramai 32 orang responden berpendapat bahawa muzik latar dalam sesebuah filem seram menyampaikan mesej tersirat kepada penonton semasa menonton.

Dengan menggunakan pendekatan ataupun situasi begini, pengkaji ingin menyempurnakan isu-isu yang dibangkit yang telah dibincangkan sebelum ini. Untuk mencapai objektif ketiga, pengkaji akan menghasilkan sebuah filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian. Pengkaji juga menggunakan filem seram Hollywood 'Lights Out' (2016) sebagai rujukan untuk menghasilkan sebuah filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian. Secara rumusnya, pengkaji boleh mengatakan bahawa ketidakwujudan muzik latar

dalam sesebuah filem seram menjadikan filem seram itu tidak menghiburkan dan tidak berkesan terhadap penonton.

CADANGAN

Di dalam tujuan untuk memperluaskan lagi kajian terhadap bidang muzik dalam filem khususnya mengenai kepentingan muzik latar dalam filem seram di Malaysia, pengkaji amat bertanggungjawab dalam memberikan beberapa rangka cadangan sebagai kajian lanjutan. Kajian lanjutan ini amat perlu dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya agar kajian-kajian berbentuk ilmiah berkaitan bidang muzik latar dalam filem seram ini tidak akan terhenti pada kajian ini sahaja.

Cadangan pertama pengkaji mencadangkan ialah pengarah dan krew yang ingin menghasilkan sesebuah filem seram perlulah membuat kajian mendalam sebelum memulakan proses penghasilan filem. Menurut Berita Harian, Presiden Persatuan Sutradara Filem Malaysia (FDAM), Othman Hafsham, berkata kutipan filem yang teruk berlaku kerana penerbit dan krew tidak melakukan kajian mendalam sebelum menghasilkan sesebuah produk. Katanya, FDAM juga melakukan kajian tersendiri, mendapati ketiadaan atau kurangnya unsur universal dan juga jalan cerita lemah antara punca utama filem tempatan tidak mendapat sambutan. Daripada situasi begini, pengkaji berpendapat bahawa dalam menghasilkan filem seram, pihak berkenaan perlu membuat rujukan awal dan membuat kajian tentang genre seram/ thriller terlebih dahulu.

Hal Ini disokong dengan kejayaan Amerika Syarikat yang menjadikan industri filemnya sebagai agenda penyebaran ideologi dan budaya ke seluruh dunia serta disokong dengan kerjasama daripada kerajaan dan syarikat transnasionalnya. Penguasaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga memberikan kelebihan kepada Amerika Syarikat sehingga membolehkan proses komodifikasi produk budayanya dilaksanakan dan dijual di seluruh dunia. Jadi, cara ini mampu membantu industri perfileman tempatan dalam menghasilkan filem yang berkualiti dan berkesan dengan menggunakan pelbagai teknologi.

Cadangan seterusnya ialah, pengkaji akan menghasilkan satu filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian hasil daripada kajian yang dilakukan iaitu kajian mengenai kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram. Pengkaji juga akan menggunakan filem seram Hollywood '*Lights Out*' (2016) sebagai rujukan untuk menghasilkan sebuah filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian. Filem pendek yang akan dihasilkan oleh pengkaji merupakan projek tahun akhir yang dijadikan sebagai penyelesaian kajian ini.

KESIMPULAN

Secara konklusinya, kajian ini telah menjelaskan muzik latar merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembikinan filem seram. Pada masa yang sama, muzik latar juga sering berkaitrapat dengan emosi penonton. Filem seram merupakan salah satu genre yang paling lama bertahan dalam arena industri perfileman dunia dan mempunyai sejarah yang panjang kerana elemen-elemennya tersendiri. Filem seram direka untuk menakutkan, memberi kejutan dan membangkitkan kebimbangan yang tersembunyi di sebalik penceritaannya.

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016 dan juga untuk menentukan kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram Hollywood '*Lights Out*' 2016 terhadap emosi penonton. Selain daripada itu, pengkaji juga menghasilkan sebuah filem pendek dengan menggunakan muzik latar seram yang bersesuaian hasil daripada kajian dilakukan.

Pelbagai kajian telah dibuat berkenaan filem seram di Malaysia, namun masih kurang kajian yang menekankan secara ilmiah dan sistematik menghalusi perkembangan filem seram. Sebagai contoh, kebanyakan pengkaji lebih tertarik terhadap aspek-aspek seperti sinematografi (Jayree bin Mili, 2007), skrip (UH Abu Hassan, 2011), pengarah (Carolina Peni Binti Frans Liwon, 2017) dan watak perwatakan (Norinawati Binti Kamarulzaman, 2007). Jadi, melalui kajian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa muzik latar juga merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembuatan sesebuah filem seram. Kajian ini memfokuskan filem seram iaitu filem '*Lights Out*' yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan pengarah filem ini ialah David F. Sandberg. Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan kajian dengan mengkaji mengenai genre filem seram Hollywood bertajuk '*Lights Out*' supaya

kebanyakan filem-filem seram terkini kurang menitikberatkan muzik latar terhadap emosi penonton. Pengkaji juga mengkaji bagaimana muzik latar dalam sebuah filem seram khususnya dalam filem '*Lights Out*' ini boleh memberi kesan emosi kepada penonton. Kajian ini menjadi tumpuan utama kerana didapati muzik latar yang digunakan sangat bersesuaian dengan ceritanya.

Berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, pengkaji lebih memfokuskan kaedah kualitatif untuk memantapkan kajian mengenai muzik latar dalam filem seram '*Lights Out*' 2016 dengan mengedarkan soal selidik atas talian. Hasil yang dikumpul daripada soal selidik akan dihuraikan lebih terperinci melalui data dan carta pai yang merangkumi peratus dan bilangan responden yang maklum balas. Seterusnya, data yang dikumpul daripada soal selidik telah ditunjuk secara keseluruhannya melalui rajah dan carta pai yang mengandungi peratusan. Pencapaian yang diperolehi berdasarkan hasil kajian juga dibincangkan bagi mengemukakan intipati dan menjayakan kajian.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa muzik latar dalam filem seram sememangnya mempengaruhi emosi penonton dan memainkan peranan yang paling penting. Ketidakwujudan muzik latar dalam sesuatu filem seram menjadikan filem seram itu tidak seram. Oleh itu, melalui kajian ini boleh dikatakan bahawa kadar keberkesanan muzik latar dalam filem seram terhadap emosi penonton amat tinggi. Pada masa yang sama, kajian ini membuktikan bahawa filem keluaran tempatan perlu mempertingkatkan kualiti dan *style* penghasilan sesuatu filem seram setaraf filem keluaran *Hollywood*. Hal ini akan meningkatkan mutu industri perfileman tempatan. Daripada kajian ini, pengkaji berharap sangat agar

dapat mencapai objektif yang dikemukakan serta matlamat kajian ini dengan sempurna. Pengkaji juga mengharapkan pengkaji tempatan boleh memperbanyakkan kajian mengenai muzik latar dalam dalam genre filem seram.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Angelito Pérez Nijhuis. Kajian Angelito Pérez Nijhuis. (2010). Background Music in Educational Films: The effect of background music induced arousal on the memory and the evaluation of information presented in educational films. . *Department of Media, Communication & Organization* , 9-11.
- Arnheim, R. (1957). *Film as art*. California: University of California Press.
- Aziz, A. A. (2017). Perkembangan filem seram di Malaysia : satu tinjauan literatur. *Journal of social science and humanities*, 2.
- Baharuddin Latif. (1983). *Krisis Filem Melayu*. Selangor: Insular Publishing House.
- B.Holbrook, M. (2011). *Musics, Movies, Meanings and Marketing*. New York: Routledge.
- Boltz, M. G. (2004). The cognitive processing of film and musical soundtracks. *Memory & Cognition*, 32,1194-1205.
- Bottin, G. &. (2002). Effects of underscoring on semantic appraisal and interpretation of film scenes. *Music in film*.
- Burney, C. (n.d.). *A general history of music*. London: Payne and son.
- Cohen, P. M. (2001). *Silent Film and the Triumph of the American Myth*. California: Oxford University Press.
- Davies, S. (2013, January). Definitions of art. p. 2.
- Gelder, K. (2000). *The horror reader*. London: Routledge
- Linda K.Fujie, D. L. (2005). *Worlds of music*. Boston: Schirmer Cengage Learning.
- Marilyn Boltz, Maithew Schulkind, and Suzanne Kantra. (1991). Effects of background music on the remembering of filmed events. 10.
- Martin, B. (1981). *the sociolgy of contemporary cultural change*. basil blackwell: oxford.
- Mili, J. b. (2007). *peranan muzik dalam filem seram (bunyi persekitaraan, muzik, bunyi efek)*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Nasir, M. (2007). *Bapaku P. Ramlee*. MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

- Nijhus, A. P. (2010). Background music in educational films: the effect of background music induced arousal on the memory and the evaluation of information presented in educational films. 2-5.
- Norshafawati saari, Asiah Sarji dan Fuziah kartini binti hassan. (2010). Muzik dan pembangunan sosial. *Malaysia journal of communication*, 2-3.
- Putra, A. (2020). Kesehatan Mental. *Macam-macam Emosi yang Membuat Anda Menjadi Manusia Seutuhnya*, 3.
- Rob Parke, E. C. (2007). Quatitative visual analysis of the impact of music on perceived of film. 9-12.
- Rob Parke, Elaine Chew, dan Chris Kyriakakis. (2007). Quantitative and Visual Analysis of the Impact of Music on Perceived Emotion of Film . 12.
- Shukri, F. M. (2013). Pengenalan kepada perletakan produk dalam filem - filem Melayu dan antarabangsa. *International journal of Creative Futures and heritage*, 1.
- Sidik, S. N. (2017). Konsep terapi muzik dalam tamadun islam. 2.
- Susann Eschrich, Thomas F Münte and Eckart O Altenmüller. (2008). Unforgettable film music: The role of emotion in episodic long-term. 6.
- Yudkin, J. (2016). *Understanding music*. Boston University: Pearson.
- Zheyu, L. (2018). *The key elements of horror films: comparative study between Thailand and China* . Bangkok: Bangkok University.

<https://forms.gle/8ZeUKdBXArVddLWaA> - Google Form (Soal Selidik)



LAMPIRAN

FYP FTKW

